

HARI INTEGRITI NASIONAL 2021 (HIN 2021) “Integriti Pemangkin Keluarga Malaysia”



1. HARI INTEGRITI NASIONAL 2021

Unit Integriti Jabatan Pertanian Malaysia mengucapkan selamat Hari Integriti Nasional 2021 (HIN2021) bertemakan “Integriti Pemangkin Keluarga Malaysia”. Hari Integriti Nasional disambut pada tanggal 5 November setiap tahun.

Pemilihan tema pada tahun ini adalah selari dengan konsep Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan sulung beliau yang mana menekankan aspek asas keutuhan, kebersamaan dan kesepakatan negara yang terikat dengan nilai-nilai sempurna dalam sesebuah institusi keluarga serta sifatnya yang lebih inklusif dan merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum.

Marilah sama-sama kita menghayati HIN2021 dengan memperkasa dan membudayakan amalan integriti dalam semua aspek kehidupan bagi memastikan negara kita sentiasa ditunjangi ahli masyarakat madani yang memiliki integriti diri yang tinggi.

2. BAJET 2022 : PERKHIDMATAN AWAM

- Kadar keuntungan skim pembiayaan komputer dan telefon pintar bagi penjawat awam diturunkan daripada 4% kepada 2%
- Inisiatif Perlindungan Kemalangan Diri diteruskan sehingga RM100,000 untuk manfaat peminjam baru LPPSA
- Gantian cuti rehat dinaikkan daripada maksimum 150 hari kepada 160 hari bagi iktiraf pengorbanan penjawat awam tangani COVID-19
- Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM700 kepada 1.3 juta penjawat awam Gred 56 ke bawah dan RM350 kepada 1 juta pesara kerajaan

Sumber : Jabatan Perkhidmatan Awam

3. BUKU PANDUAN LAYANAN PERKHIDMATAN PELANGGAN (PLPP) SEKTOR AWAM

- PLPP Sektor Awam merupakan rujukan yang boleh digunakan oleh pegawai awam terutamanya petugas barisan hadapan di kaunter kerajaan dalam meningkatkan integriti, profesionalisme dan menyediakan perkhidmatan yang lebih mesra pelanggan.
- Panduan ini memuatkan panduan dialog standard yang perlu diamalkan oleh setiap petugas barisan hadapan di kaunter kerajaan.

Layari pautan :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/flipbook/PLPP/>

4. BUKU PANDUAN MENGURUS DAN MELAPOR KES TATATERTIB JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

- Buku ini telah diterbitkan oleh Unit Integriti Jabatan Pertanian selaras dengan hasrat Jabatan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai yang terlibat dalam menguruskan kes-kes pelanggaran tata tertib serta membantu setiap Ketua Jabatan/ Penyelia di dalam menguruskan kes tata tertib dan mengelakkan kelewatan tindakan yang diambil.

Buku ini boleh didapati di laman web Jabatan seperti pautan berikut;
<http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/320?mid=47>

5. PROGRAM KELESTARIAN INTEGRITI JABATAN PERTANIAN PERINGKAT ZON UTARA TAHUN 2021



- Program tersebut telah berlangsung pada 2 November 2021 secara atas talian yang melibatkan seramai 50 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian di negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

6. MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI RASUAH (JAR) JABATAN PERTANIAN BIL. 3/2021

- Telah berlangsung Mesyuarat JAR Jabatan Pertanian Bil. 3.2021 yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Zahimi Bin Hassan, Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian pada 8 November 2021. Mesyuarat yang diadakan secara hibrid ini telah dihadiri oleh Pengarah Bahagian dan Negeri untuk membincangkan isu-isu JAR Jabatan Pertanian.

